

Manfaat BB1M secara berhemah



Bantuan BB1M ringankan beban pelajar.

Secara peribadi, saya sangat gembira apabila kerajaan meneruskan janji kepada rakyat dengan mengekalkan Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) buat kali kedua pada tahun ini yang bermatlamat meringankan beban perbelanjaan pelajar.

Peningkatan baucar buku daripada RM200 kepada RM250 tepat pada masanya. Rata-rata dalam kalangan mahasiswa gembira dan bertekad untuk memanfaatkan BB1M secara berhemah bagi kepentingan menuntut ilmu.

Ringankan beban beli buku

Pemberian BB1M secara tidak langsung dapat membantu meringankan beban untuk mendapatkan keperluan termasuk pembelian buku dan sebagainya. Dengan adanya

BB1M, mahasiswa sudah boleh menjimatkan wang poket mereka dan jumlah RM250 juga membolehkan mereka mendapatkan pelbagai bahan rujukan.

BB1M memberi satu wadah baru kepada siswa untuk menghargai sumbangan kerajaan dalam menyediakan kemudahan terbaik buat mahasiswa.

Pada saya, seorang mahasiswa memerlukan pembacaan yang banyak untuk mencari ilmu selain daripada ilmu akademik.

Mahasiswa seharusnya membuka minda mereka dan perlu menambah pengetahu-

an mengenai kehidupan dan juga pengetahuan ilmu agama serta bukan tertumpu kepada silibus pengajian di universiti

sahaja. Dengan adanya bantuan sebegini, ia dapat memupuk sikap membaca dalam kalangan mahasiswa.

Dalam kajian, kadar purata pembacaan rakyat Malaysia yang pernah dilaporkan media sebelum ini

pada tahun lalu iaitu antara lapan hingga 12 buku setahun menunjukkan negara masih berada di belakang, berbanding Jepun dan Ame-

rika Syarikat.

Ketua Pengarah Perpustakaan Negara, Datuk Raslin Abu Bakar menyatakan kadar itu dilihat petanda positif jika dibandingkan pada 1996 kerana purata rakyat membaca dua buku setahun ketika itu.

Bagaimanapun, ia tidak boleh terhenti pada kadar itu sahaja, sebaliknya pembacaan lebih banyak perlu dilakukan dalam memastikan setiap masyarakat berada pada landasan betul menuju ke arah pembentukan sebuah negara maju.

Namun, ada segelintir mahasiswa menyalah guna baucar tersebut dengan membeli bahan bacaan yang tidak bermanfaat seperti novel cinta.

Tindakan tegas salah guna baucar

BB1M juga tidak sepatutnya ada tarikh luput. Jika ada sekalipun janganlah dengan tempoh masa yang terlalu singkat. Selain daripada itu, mekanisme lain adalah dengan mengetatkan premis atau stokis jualan buku agar bertindak tegas kepada sesiapa yang menyalahgunakan baucar.

Mahasiswa hendaklah menggunakan bantuan ini secara berhemah dan seharusnya perlu banyak membaca untuk membantu meneraju masa depan negara melalui pembinaan modal insan yang cemerlang.

Azah Farha Juraimi

Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia

FAKTA NOMBOR

RM250
nilai

Baucar Buku 1Malaysia
diberikan kepada pelajar